

Sultan Johor kuasai 20% saham REDtone

Oleh **FADZIL ZAINOL**
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 MAC

SULTAN Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar kini merupakan pemegang saham individu terbesar dalam REDtone International Bhd. (REDtone) dengan pegangan 20 peratus selepas penukaran waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar dan Tidak Boleh Tebus (ICULS) kepada saham biasa dan pembelian saham daripada pasaran.

Menurut syarikat tersebut, baginda secara beransur-ansur membeli saham dalam syarikat penyedia penyelesaian telekomunikasi tersebut sejak setahun lalu. Sebelum penukaran waran dan ICULS dilakukan, Sultan Ibrahim memegang 4.8 peratus saham di dalam REDtone.

Pengerusi REDtone, Datuk Seri Syed Ali Syed Abbas Alhabshee berkata, pihaknya mengalu-alukan kehadiran baginda sebagai pemegang saham utama syarikatnya.

“Kami berbesar hati atas keyakinan Tuanku terhadap pengurusan, syarikat dan prospek masa depan syarikat. Kumpulan REDtone sedang beroperasi dengan jayanya



SULTAN IBRAHIM

dengan mencatatkan keuntungan untuk tiga tahun berturut-turut sejak tahun kewangan 2012. Dengan kehadiran Tuanku sebagai pemegang saham utama, kedudukan REDtone dalam industri telekomunikasi akan diperkukuhkan lagi,” katanya dalam kenyataan semalam.

Jelas Syed Ali lagi, keempat-empat perniagaan teras REDtone iaitu perkhidmatan telekomunikasi, rangkaian telekomunikasi yang

REDtone

terurus, tambah nilai yang terurus dan mudah alih berkembang dengan baik.

“Disokong oleh kecekapan teras yang kukuh, adalah harapan kami untuk memperluaskan lagi perniagaan kami di Johor untuk memanfaatkan pertumbuhan yang pesat di negeri tersebut dan pada masa yang sama, membantu mewujudkan lebih peluang pekerjaan di negeri itu.” katanya.

Satu lagi pemegang saham utama REDtone adalah Kumpulan Berjaya Corporation.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Berjaya, Datuk Seri Robin Tan Yeong Ching berkata, beliau gembira apabila mengetahui Sultan Johor telah meningkatkan pegangan saham dalam REDtone.

“Ini merupakan petanda yang baik memandangkan Tuanku dikenali sebagai pelabur yang bijak dalam mengenal pasti syarikat dan perniagaan yang mempunyai asas yang kukuh serta potensi untuk berkembang,” katanya.